

Dari Sekolah Inggeris ke Universiti: Peluang dan Kemudahan Pendidikan Tinggi di Tanah Melayu, 1905-1948

From English Schools to University: Opportunities and Facilities for Higher Education in Malaya, 1905–1948.

Muhammad Firdaus Mohamed Yunus¹ & Mohd Shazwan Mokhtar^{2*}

^{1,2}Pusat Kajian Sejarah, Politik & Hal Ehwal Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.

²London School of Economics and Political Science, Houghton Street, London, United Kingdom.

*Corresponding Author : msm@ukm.edu.my

Abstrak

Artikel ini meneliti perkembangan pendidikan tinggi kolonial di Tanah Melayu dalam konteks usaha awal penubuhan Universiti Malaya dan peluang pelajar tempatan melanjutkan pelajaran ke institusi lain dalam empayar British. *King Edwards VII College* dan Kolej Raffles sering dirujuk sebagai institusi berprestij untuk pendidikan tinggi di Tanah Melayu. Bagaimanapun, penilaian Suruhjaya Pendidikan Tinggi Tanah Melayu pada akhir tahun 1930-an mendapati kedua-dua institusi ini dilihat tidak memberi impak yang besar untuk kepentingan masyarakat tempatan. Namun, dalam ilmu perubatan *King Edwards VII College* lebih bereputasi tinggi berbanding Kolej Raffles. Isu pendidikan ini menjadi antara faktor pendorong Pejabat Kolonial mula melaksanakan usaha penubuhan sebuah universiti di Tanah Melayu dan galakan ke universiti lain dalam empayar British. Usaha ini menjadi titik perubahan penting dalam perkembangan matlamat pendidikan kolonial yang sebelum ini terumpu untuk melahirkan petani mahir, guru dan pekerja am kepada usaha untuk melahirkan golongan profesional. Oleh itu, rekod Suruhanjaya Pendidikan Tinggi Melayu di *Public Records Office* di London digunakan untuk meneliti fasa awal perkembangan pendidikan tinggi ini. Selain itu, rekod pentadbiran kolonial dalam siri CO 576, CO273 dan CO 276 digunakan untuk meneliti kemudahan pendidikan tinggi kolonial yang disediakan di Tanah Melayu. Hasil kajian mendapati peluang untuk masyarakat tempatan khususnya orang Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pendidikan tinggi kolonial sama ada di Tanah Melayu mahupun di luar negara masih terbatas. Walaupun usaha penubuhan Universiti Malaya menjadi titik perubahan penting, sistem dan dasar pendidikan tinggi pada tahap ini masih berkiblatkan pendidikan Inggeris.

Kata Kunci: Suruhanjaya Pendidikan Tinggi; Universiti Malaya; Standard pendidikan; Pembangunan kolonial; Standard hidup.

Abstract

This article examines the development of colonial higher education in Malaya within the context of early initiatives to establish the University of Malaya, as well as the opportunities available for local students to pursue further studies at other institutions within the British Empire. King Edward VII College and Raffles College were frequently regarded as prestigious institutions of higher learning in Malaya. However, the evaluation conducted by the Malayan Higher Education Commission in the late 1930s revealed that both institutions had made only a limited contribution to the advancement of local society. In the field of medicine, nevertheless, King Edward VII College enjoyed a higher reputation than Raffles College. This educational issue became one of the driving factors that led the Colonial Office to initiate efforts to establish a university in Malaya and to encourage enrolment in other universities within the British Empire. This initiative marked a significant turning point in the evolution of colonial educational policy to a broader ambition of cultivating a professional class. To explore this formative phase in the history of higher education, the study draws upon records of the Malayan Higher Education Commission held at the Public Record Office in London. Additionally, colonial administrative records from the CO 576, CO 273, and CO 276 series are examined to investigate the facilities for colonial higher education made available in Malaya. The findings indicate that access to higher education at colonial institutions, both within Malaya and overseas, remained limited for the local population, especially among the Malays. Although the establishment of the University of Malaya represented a major milestone, the higher education system and policy of the period continued to be modelled closely on British educational traditions.

Keywords: *Higher Education Commission; University of Malaya; Educational standard; Colonial development; Living standard.*

PENGENALAN

The narrow roads of higher education can only be trodden by those who have first passed along the broad highway of primary education which leads to them [Commission on Higher Education in Malaya] (CO 273/651/9 1939a).

Menjelang tahun 1920-an, pegawai kolonial di Tanah Melayu boleh berbangga dengan pencapaian British yang dapat membangunkan kemudahan jalan raya yang baik setara dengan standard empayarnya (CO 717/6/62 1920). Namun, jalan raya yang baik serta kemudahan jaringan komunikasi yang boleh dianggap efisien pada zaman tersebut tidak selari dengan peluang pendidikan, khususnya pendidikan tinggi. Dasar pendidikan kolonial yang mewujudkan pelbagai sistem pendidikan seperti sekolah Inggeris dan vernakular menjadikan kemenjadian murid yang kompleks. Isu ini menjadi cabaran penting dalam peluang mereka mendapatkan pendidikan tinggi kolonial yang mengikut acuan Inggeris. Misalnya, pendidikan sekolah rendah Melayu yang dikatakan terbatas untuk melahirkan petani mahir, sementara pendidikan sekolah Inggeris yang memberikan peluang pekerjaan yang lebih baik (CO 273/651/9 1939a).

Perkembangan pendidikan tinggi di Tanah Melayu sejak tahun 1900-an dipengaruhi oleh dasar kolonial British dalam konteks arah tuju pembelajaran, struktur kurikulum dan penyediaan kemudahan untuk pendidikan. Dasar ini turut melibatkan tahap pendidikan rendah hinggalah pada peringkat institusi pendidikan tinggi. Kemudian pendidikan kolonial

berkembang selari dengan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang dilaksanakan British sehingga mewujudkan satu bentuk standard hidup Eropah di Tanah Melayu (Stockwell 1982). Selain itu, pengenalan pendidikan tinggi model barat ini juga diperkenalkan untuk melatih tenaga kerja terlatih, khususnya dalam kalangan orang Melayu, memenuhi keperluan tenaga kerja dalam bidang perkhidmatan awam (Ahmad Jafri & Mohd Samsudin 2019). Sementara itu, menjelang tahun 1950-an, matlamat pendidikan di Tanah Melayu terus berkembang dengan melibatkan usaha untuk melahirkan rakyat yang bersatu padu dalam kalangan pelbagai kaum (Federation of Malaya 1951).

Dalam konteks kolonial, perkembangan awal kemudahan pendidikan awal di negeri-negeri Melayu dapat dikesan sejak tahun 1856 melalui peranan pentadbiran kolonial yang berpusat di Singapura menyokong penubuhan sekolah oleh mubaligh. Pada tahap ini, hari persekolahan selama dua hari diperkenalkan. Setelah Pejabat Kolonial mengambil alih pentadbiran Negeri-Negeri Selat pada tahun 1867, pentadbir kolonial mula menimbangkan keperluan kemudahan pendidikan vernakular untuk kanak-kanak Melayu. Tujuannya adalah untuk memupuk kemahiran membaca jawi dan juga tulisan roman. Pada tahap ini, pendidikan awal kolonial berkembang seiringan dengan pendidikan 'pondok' atau '*koran schools*' (Federation of Malaya 1951). Seterusnya pendidikan aliran Inggeris mula diperkenalkan seperti penubuhan MCKK dan kemudiannya SITC bagi melahirkan golongan pentadbir dan guru dalam kalangan orang Melayu (Muhammad Firdaus & Mohd Shazwan 2024).

Sementara itu, *King Edward VII Collage* dan Kolej Raffles merupakan dua institusi pendidikan tinggi terawal yang diperkenalkan oleh pihak kolonial British (Abu Hanifah & Roslina 2021). Walau bagaimanapun, wujud cabaran yang perlu dihadapi oleh masyarakat tempatan khususnya pelajar Melayu untuk meningkatkan tahap pendidikan pada peringkat yang lebih tinggi. Antaranya kekangan sumber kewangan, kuota kemasukan, keterbatasan kemudahan pengangkutan ke institusi pendidikan dan fasiliti yang disediakan untuk pelajar. Malahan, Meskipun begitu Andaya & Andaya (2017) mendapati keutamaan kemasukan pelajar ke kedua-dua institusi ini diberikan kepada golongan aristokrat. Trend kemasukan pelajar dari golongan aristokrat lebih diberi keutamaan disebabkan status keewangan yang dimiliki golongan ini berkemampuan untuk membayar yuran pengajian pendidikan tinggi. Ungku A. Aziz (1975) mengulas isu ini dengan mengutarakan isu jurang ekonomi dalam kalangan pelajar Melayu telah mendorong kepada beberapa langkah awal pentadbiran kolonial British mewujudkan kemudahan biasiswa bagi menampung perbelanjaan yuran pendidikan. Kekurangan jumlah pendapatan dalam kalangan orang Melayu menyebabkan kadar kemasukan pelajar Melayu kampung adalah sedikit berbanding bilangan kemasukan golongan aristokrat dan juga pelajar kaum lain. Selain itu, Raja-Raja Melayu melalui persidangan Durbar sentiasa menggesa pentadbiran kolonial British supaya menyediakan bantuan kewangan bagi orang Melayu melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi (Mohd Shazwan, Muhammad Aslah Akmal & Suffian 2019). Raja-Raja Melayu mendesak pentadbiran kolonial British memajukan dan memperluaskan sistem pendidikan kepada seluruh penduduk tempatan. Desakan Raja-Raja Melayu mengkritik pentadbiran kolonial British mengenai keperluan tenaga kerja orang Melayu¹ di dalam perkhidmatan awam telah mendorong kepada perubahan dasar pendidikan Inggeris di Tanah Melayu. Selari dengan desakan Raja-Raja Melayu mengenai peluang pekerjaan kepada orang Melayu dalam bidang perkhidmatan awam, pentadbiran kolonial British telah menubuhkan institusi pendidikan tinggi di Tanah Melayu. Keperluan penubuhan institusi pendidikan tinggi bertujuan melayakkan orang Melayu untuk menempatkan diri dalam bidang pentadbiran dan perkhidmatan awam di bawah pentadbiran Kerajaan Kolonial British.

Tahun 1948, merupakan titik perubahan penting dalam perkembangan pendidikan tinggi kolonial di Tanah Melayu, apabila Suruhanjaya Carr-Saunders meneruskan usaha penubuhan sebuah universiti yang dikenali sebagai Universiti Malaya. Suruhanjaya ini diketuai

Dato' Onn Jaafar pada Ketika itu Menteri Besar Johor.² Usaha awal telah dilaksanakan sejak tahun 1930-an melalui Suruhanjaya Pendidikan Tinggi Tanah Melayu yang dibentuk Pejabat Kolonial. Penubuhan Universiti Malaya menyaksikan penggabungan dua institusi pendidikan tinggi kolonial yang awal iaitu '*King Edward VII Collage*' dan Kolej Raffles. Penggabungan tersebut tidak mengubah identiti pendidikan tinggi kolonial yang berkembang sejak tahun 1905, apabila kedua-dua kolej awal tadi dibenarkan untuk menganugerahkan diploma. Sementara itu, pertubuhan pelajar yang sebelum ini dikenali '*the Raffles Society*' kemudiannya dikenali sebagai Kesatuan Pelajar Universiti Malaya (Federation of Malaya 1948).

Artikel ini memberi tumpuan pada tahap awal perkembangan pendidikan tinggi yang diperkenalkan British di Tanah Melayu sehinggalah kearah penubuhan Universiti Malaya. Perancangan awal yang dilaksanakan adalah sekitar akhir tahun 1930-an, melalui rancangan menggabungkan '*King Edward VII Collage*' dengan Kolej Raffles. Rancangan ini diteruskan pasca pendudukan Jepun sehinggalah penubuhan Universiti Malaya pada tahun 1948 di Singapura. Dalam proses ini, pakar pendidikan Inggeris mendapati wujudnya jurang kualiti pendidikan dan prestasi akademik antara '*King Edward VII Collage*' dengan Kolej Raffles. Oleh sebab itu, pelajar dari Tanah Melayu diberikan alternatif untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pendidikan tinggi dalam Empayar British yang lain. Antaranya, Universiti Hong Kong, Universiti Cambridge dan Maktab Kirkby. Walau bagaimanapun, pada tahap ini pulang untuk melanjutkan pelajaran pada tahap tinggi masih lagi bersifat eksklusif untuk golongan aristokrat. Pada masa yang sama, pendidikan Melayu tidak menerima sokongan pembangunan yang menyeluruh daripada pentadbiran kolonial, berbanding aliran pendidikan Inggeris (Tan 2013). Malahan, dalam usaha penubuhan Universiti Malaya, sistem dan standard pendidikan tinggi Inggeris digunakan oleh pihak British.

Selain itu, artikel ini turut memerihalkan dasar pentadbiran British dalam membentuk kemudahan awam bagi membantu pelajar dari Tanah Melayu melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi di Tanah Melayu dan empayar kolonial British. Matlamat baharu pendidikan Inggeris mendapat sokongan daripada Raja-Raja Melayu apabila Raja-Raja Melayu menggalakkan orang Melayu untuk mempelajari ilmu pendidikan Inggeris supaya mereka dapat bersaing dengan golongan terpelajar dan intelek daripada etnik bukan Melayu (CO 576/39 1929).


PELUANG KE INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

Pembentukan sistem pendidikan Inggeris di Tanah Melayu bermula dengan dasar pendidikan vernakular dan pendidikan Inggeris yang ditubuhkan oleh pentadbiran kolonial British. Jabatan Pendidikan Tanah Melayu bertanggungjawab untuk melaksanakan sistem pendidikan Inggeris di Tanah Melayu sebaik sahaja matlamat jabatan pendidikan diperbaharui dengan menyeragamkan corak pendidikan di Tanah Melayu. Objektif awal pembentukan sistem pendidikan Inggeris adalah menjadikan anak nelayan atau petani lebih baik atau bijak daripada ibu bapanya manakala pembelajaran di sekolah Inggeris bermatlamat menyediakan perkhidmatan kerani tahap rendah dalam birokrasi pentadbiran British (Charles 1972). Penubuhan sekolah-sekolah vernakular Melayu bercirikan pendidikan di Britain hanya mengutamakan pendedahan kepada pelajar untuk menguasai ilmu membaca dan mengira. Berbeza dengan penubuhan sekolah-sekolah Inggeris, struktur kurikulum yang ditawarkan merangkumi ilmu moden yang boleh memajukan seseorang pelajar untuk melanjutkan pengajian ke pendidikan tinggi. Walau bagaimanapun, selepas penyusunan semula Jabatan Pendidikan Tanah Melayu, matlamat sistem pendidikan Inggeris mula cenderung untuk menarik minat orang Melayu daripada mengutamakan sektor pertanian kepada berkhidmat di sektor perkhidmatan awam di bawah pentadbiran kerajaan kolonial (DEPT 16/3).

Pendidikan kolonial yang diwujudkan oleh British melahirkan golongan perkhidmatan awam tempatan yang dilatih dalam kerangka pendidikan Inggeris. Hal ini demikian kerana, kriteria utama yang ditetapkan pentadbiran kolonial British kepada masyarakat Melayu untuk mengisi jawatan perkhidmatan awam adalah melalui kelulusan pendidikan Inggeris tahap menengah. Sehubungan dengan itu, kelulusan pendidikan Inggeris tahap menengah diperlukan untuk menentukan kedudukan kepada calon sekiranya dilantik untuk berkhidmat dalam sektor perkhidmatan awam (*Straits Echo* 1925). Selain itu, kepentingan mempelajari ilmu moden di sekolah-sekolah menengah Inggeris juga membolehkan lepasan pelajar melanjutkan pengajian ke pendidikan tinggi sekaligus membuka peluang yang lebih besar untuk mengisi kekosongan dalam bidang perkhidmatan awam. Kepentingan mempelajari ilmu Inggeris di sekolah-sekolah Inggeris juga dipengaruhi oleh struktur kurikulum yang disediakan iaitu merangkumi *Junior Cambridge* dan *Senior Cambridge School Certificate Examination* yang merupakan pra-syarat untuk melayakkan calon bekerja dalam sektor pentadbiran. Kepentingan memperolehi sijil ini dipengaruhi oleh pengiktirafan daripada pelbagai pihak kerana mempunyai nilai yang tinggi khususnya dalam bidang pekerjaan (Haris Md. Jadi 1990). Walau bagaimanapun, pada awalnya peluang untuk mempelajari ilmu di sekolah-sekolah Inggeris diutamakan kepada golongan aristokrat dan penduduk bandar berbanding pelajar Melayu yang tinggal di kawasan kampung.

Menjelang pertengahan abad ke-20 dasar pentadbiran kolonial British mula membenarkan anak-anak Melayu luar bandar menempatkan diri di sekolah Inggeris kerajaan pada kadar yang tinggi. Perubahan dasar meningkatkan trend kemasukan pelajar Melayu luar bandar bertujuan melatih tenaga kerja pra-profesional misalnya kerani, guru di sekolah Inggeris dan juruteknik bagi berkhidmat di jabatan-jabatan kerajaan (Sufean Hussin 1993). Dasar membuka peluang kepada anak-anak Melayu luar bandar melanjutkan pengajian ke sekolah menengah Inggeris dipengaruhi oleh dasar pentadbiran kolonial British memerlukan tenaga kerja pegawai Melayu tahap rendah dalam sektor *Malay Administrative Service* (MAS) (Muhammad Firdaus & Mohd Shazwan 2024). Signifikannya penubuhan MAS telah mendorong pentadbiran kolonial British untuk memperkasakan peluang pendidikan Inggeris kepada seluruh penduduk Tanah Melayu. Antara kemudahan yang dilaksanakan pentadbiran kolonial British bagi menggalakkan kemasukan calon luar bandar ke sekolah Inggeris adalah membahagikan sekolah Inggeris kepada dua jenis iaitu sekolah Inggeris kerajaan dan sekolah Inggeris bantuan kerajaan (Sufean Hussin 1993). Pembukaan dua jenis sekolah Inggeris ini secara tidak langsung membuka peluang kepada pelajar Melayu menempatkan diri menuntut ilmu di sekolah-sekolah Inggeris bantuan kerajaan. Tambahan lagi, pembukaan sekolah Inggeris bantuan kerajaan yang diperkenalkan pentadbiran kolonial British secara tidak langsung menjadi alternatif utama pelajar Melayu desa khususnya untuk melanjutkan pengajian ke pendidikan tinggi. Selain itu, kebanyakan sekolah Inggeris bantuan kerajaan akan menawarkan bantuan biasiswa kepada calon misalnya pemberian *Queen Vicotria Scholarship* (Sel Sec. G 1041/1932). Bantuan keewangan yang disediakan mendorong kemasukan pelajar ke sekolah-sekolah Inggeris bantuan kerajaan bagi mencapai matlamat pentadbiran kolonial menyediakan tenaga kerja pra-profesional dalam kalangan penduduk Tanah Melayu. Bantuan dan galakkan pentadbiran kolonial meningkatkan kuota kemasukan pelajar ke aliran sekolah Inggeris menyebabkan bilangan pelajar di sekolah-sekolah Inggeris semakin meningkat. Rajah 1 memaparkan perbezaan jumlah bilangan pelajar ke aliran sekolah-sekolah Inggeris.

Rajah 1 Jumlah Pelajar Sekolah Inggeris Berbeza di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu



Sumber: *Federated Malay States Annual Report* for 1927, 1928, 1929, 1930

Berdasarkan Rajah 1 juga, berlaku peningkatan jumlah pelajar di sekolah-sekolah aliran Inggeris yang ditubuhkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Pembaharuan dasar pentadbiran kolonial melonggarkan syarat kemasukan ke sekolah aliran Inggeris telah mendorong kemasukan pelajar Tanah Melayu bagi mengisi keperluan tenaga kerja pra-profesional. Meskipun, pada tahun 1914 kod pendidikan telah dirombak dengan menetapkan tahap ujian bahasa Inggeris akan dipertingkatkan namun kemudahan lain yang disediakan pentadbiran kolonial British masih membantu kemasukan pelajar untuk melayakkan diri sehingga ke peringkat pendidikan tinggi (*Malaya Tribune*, 1930). Peningkatan tahap ujian bahasa Inggeris bertujuan menapis calon yang berkelayakkan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi. Hal ini demikian kerana, pembentukan sistem pendidikan Inggeris juga merupakan inisiatif utama calon-calon dari Tanah Melayu untuk melayakkan diri melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi. Perkara ini merujuk terhadap kejayaan pelajar mendapatkan “*Junior Cambridge* dan *Senior Cambridge School Certificate Examination*” membuka peluang kepada mereka untuk meneruskan pengajian di institusi pendidikan tinggi (Enactment No 27 of 1920).

Lepasan *Malay College Kuala Kangsar*


Penubuhan *Malay College Kuala Kangsar* (MCKK) merupakan sebuah sekolah Inggeris yang ditubuhkan pada tahun 1905 oleh pentadbiran kolonial British untuk memberi pendidikan kepada golongan kerabat raja dan anak-anak elit Melayu. Objektif penubuhan MCKK adalah melahirkan golongan intelek dalam kalangan anak-anak Raja dan golongan pembesar yang boleh berkhidmat dalam sektor pentadbiran kerajaan kolonial. Idea pembinaan MCKK diketengahkan dengan tujuan menempatkan anak-anak golongan aristokrat di sebuah institusi pendidikan Inggeris kerana penubuhan MCKK merupakan keistimewaan kepada Raja Muda dan anak-anak bangsawan di Tanah Melayu untuk menuntut ilmu pendidikan Inggeris (*The Straits Times* 1906). Selain menyediakan pendidikan Inggeris kepada golongan aristokrat, MCKK juga menawarkan bantuan biasiswa kepada pelajar yang berjaya menempatkan diri di

MCKK malah terdapat keistimewaan tambahan kepada anak-anak golongan aristokrat untuk melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi. Hal ini demikian kerana, Mr. Wilkinson menjelaskan pembinaan sekolah ini bertujuan melibatkan golongan elit Melayu dalam urusan pentadbiran kerajaan kolonial di Tanah Melayu (1125/1910). Perkara ini juga merujuk terhadap timbulnya kesedaran daripada pegawai-pegawai British untuk meningkatkan tahap pembelajaran anak-anak elit Melayu khususnya pendidikan Inggeris sebagai persediaan untuk berkhidmat dalam pentadbiran kerajaan³ (*The Straits Budget* 1913). Perubahan dasar pendidikan yang dilakukan pentadbiran kolonial British mengutamakan pendidikan Inggeris kepada anak-anak golongan aristokrat telah membuka peluang kepada mereka untuk melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi lalu berpeluang mengisi jawatan dalam pentadbiran British⁴ (*The Straits Times* 1930). Keistimewaan yang ditawarkan di MCKK juga merangkumi peluang menjawat jawatan rendah dalam perkhidmatan MAS yang hanya memerlukan kelulusan pendidikan Inggeris menengah dari MCKK (Khasnor 1984).

Selepas beberapa tahun penubuhan MCKK dikhaskan kepada golongan aristokrat, pentadbiran kolonial British telah menggubal syarat baharu pengambilan pelajar ke MCKK. Dalam konteks ini, pentadbiran kolonial British mula menerima kemasukan pelajar Melayu daripada semua lapisan masyarakat dengan syarat setiap pelajar perlu membuktikan kecemerlangan dalam pembelajaran peringkat rendah. Penubuhan MCKK juga menjadi medium terbaik kepada pelajar-pelajar Melayu yang cemerlang melanjutkan pengajian serta menjalani peperiksaan atau percubaan sebelum berkhidmat di sektor pentadbiran awam berbanding sekolah Inggeris lain. Hal ini demikian kerana setiap calon yang berhasrat menduduki peperiksaan dari sekolah-sekolah Inggeris di NNMB selain daripada MCKK perlu mengemukakan permohonan pencalonan menduduki peperiksaan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri (*Pinang Gazette and Straits Chronicle* 1936). Perkara ini berbeza dengan calon daripada MCKK iaitu calon daripada MCKK diberi keutamaan untuk menduduki peperiksaan. Keistimewaan yang diterima MCKK menempatkan terus calon yang berkecualan untuk menduduki peperiksaan merupakan perkara yang selari dengan matlamat MCKK untuk melahirkan golongan intelek yang berkemampuan berkhidmat dalam sektor pentadbiran. Selain itu, MCKK juga merupakan inisiatif utama bagi pelajar-pelajar Melayu untuk melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi di Tanah Melayu mahupun institusi pendidikan tinggi di luar negara. Keistimewaan yang terdapat di MCKK ini menjadikan MCKK sebagai suatu inspirasi kepada anak-anak orang Melayu untuk melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi (Khasnor 2005).

Perkembangan sistem pendidikan Inggeris di Tanah Melayu terus berkembang melalui pengenalan pendidikan teknikal di bawah pentadbiran Jabatan Pendidikan Tanah Melayu. Pihak jabatan pendidikan telah memperkenalkan kategori sekolah menengah baharu iaitu sekolah perdagangan dan teknikal sebagai inisiatif baharu kepada penduduk Tanah Melayu melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi. Pembinaan sekolah-sekolah aliran baharu ini didorong oleh dasar pentadbiran kolonial British untuk membentuk golongan berpendidikan dalam bidang kejuruteraan, jurubina dan ahli kimia (*The Straits Times* 1935). Penubuhan sekolah aliran teknikal dapat dibuktikan melalui pembukaan Sekolah Teknik Kuala Lumpur yang menawarkan kursus dalam bidang teknikal misalnya kejuruteraan awam, mekanikal, elektrik, pos dan telegraf yang berpotensi melahirkan individu mahir dalam bidang kejuruteraan serta teknikal (*The Straits Times* 1935). Implikasi daripada pembukaan bidang-bidang baharu dalam sistem pendidikan Inggeris telah mempengaruhi perkembangan sistem pendidikan iaitu wujudnya pelbagai laluan untuk melayakkan diri melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi.

Rajah 2 Aliran Sistem Pendidikan Inggeris ke Pendidikan Tinggi



Sumber: *The Educational Planning and Research Division Ministry Of Education Malaysia, Educational Statistics Of Malaysia 1938-1967, Internet Archive*

Berdasarkan carta aliran diatas memaparkan proses yang boleh dipilih oleh calon-calon Tanah Melayu untuk melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi. Dalam konteks ini, Jabatan Pendidikan telah menetapkan hala tuju sistem pendidikan atau laluan yang harus ditempuhi oleh pelajar untuk melayakkan diri menuntut ilmu di peringkat pendidikan tinggi. Perkara ini merujuk terhadap setiap pelajar perlu melepasi atau lulus setiap peringkat pembelajaran yang telah ditetapkan sebelum meneruskan pengajian ke tahap baharu. Proses melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi bertujuan memastikan sistem pendidikan Inggeris berada dalam keadaan sistematik dan terkawal di bawah pentadbiran Pengarah Jabatan Pendidikan Tanah Melayu.

Bagaimanapun, sistem pendidikan Inggeris ini tidak menyokong ke arah melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi seperti pegawai-pegawai Eropah yang dilantik berkhidmat di Tanah Melayu. Hal ini demikian kerana, British menganggap Tanah Melayu sebagai sebuah negara bukan industri. Oleh itu, tumpuan peluang pekerjaan yang disediakan untuk orang tempatan sering terarah dalam bidang perguruan, perkeranian dan jawatan am dalam perkhidmatan kerajaan (CO 273/651/9 1939b). Malahan, sehingga tahun 1939, budaya penyelidikan di Kolej Raffles dianggap mundur dan perkembangan keilmuan di institusi tersebut juga dikatakan tidak menyumbang kepada penyelesaian masalah masyarakat di Tanah Melayu. Situasi berbeza bagi, *King Edward VII College* yang dianggap sebagai sebuah institusi pendidikan perubatan bereputasi tinggi di Asia. Kemudahan pendidikannya juga adalah serata dengan institusi sama yang terdapat di Britain (CO 273/651/9, 1939b).

INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI DALAM EMPAYAR BRITISH

Peluang terbatas untuk melanjutkan pengajian di institusi pendidikan tinggi di Tanah Melayu menyebabkan pentadbiran kolonial membuka peluang kepada calon berpotensi dalam bidang pendidikan melanjutkan pengajian ke luar negara khususnya di empayar British. Namun begitu, dasar pendidikan awal pentadbiran kolonial British dalam membuka peluang melanjutkan pengajian ke luar negara adalah terhad kepada golongan aristokrat berbanding masyarakat

biasa. Dasar British mengenai pendidikan tinggi lebih terbuka apabila calon-calon yang berkecukupan diberi peluang melanjutkan pengajian ke luar negara khususnya di London dan Hong Kong. Oleh itu, calon yang bercita-cita melanjutkan pengajian ke luar negara perlu menghantar surat permohonan kepada Setiausaha Kolonial bagi mendapatkan kebenaran melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi di luar negara (MED/PHG 508/48). Tujuannya adalah untuk memastikan calon yang memohon adalah benar-benar menepati kriteria dan layak untuk melanjutkan pengajian ke kolej atau universiti dalam empayar British. Menjelang akhir tahun 1930-an, peluang lebih terbuka untuk pelajar dari Tanah Melayu melanjutkan pelajaran pada peringkat pasca siswazah melalui kemudahan ‘*Queen Scholarship*’ (CO 273/660/12, 1939). Secara umumnya, biasiswa ini ditawarkan kerajaan British untuk pelajar dari Tanah Melayu bagi melanjutkan pelajaran di universiti utama di United Kingdom seperti Universiti Oxford dan Universiti Cambridge (Abu Hanifah & Roslina Abd Ghani 2021).

Universiti Malaya

Pada tahun 1939, Setiausaha Kolonial, melantik William H. McLean dan H.J. Channon menganggotai Suruhanjaya Pendidikan Tinggi Tanah Melayu, serta H. North Hunt sebagai setiausaha. Tugas suruhanjaya ini adalah untuk memeriksa keadaan semasa pendidikan tinggi dan keperluan profesionalisme di Tanah Melayu. Tujuannya adalah untuk menyediakan peluang pendidikan tinggi yang lebih baik untuk penduduk tempatan melalui penubuhan sebuah universiti yang dikenali sebagai Universiti Malaya (CO 273/651/9, 1939a).

Kepentingan untuk membuka peluang pendidikan tinggi untuk pelajar dari Tanah Melayu ke empayar British adalah disebabkan standard kebanyakan lepasan diploma Kolej Raffles yang dianggap lebih rendah berbanding lepasan Universiti London (CO 273/651/9 1939b). Oleh yang demikian, dalam proses mempertimbangkan pembentukan sebuah universiti di Tanah Melayu, Suruhanjaya Kolej Raffles berpandangan tahap pendidikan dan pencapaian pelajar di kolej tersebut harus mematuhi piawaian sistem peperiksaan Inggeris. Sungguhpun begitu, piawaian yang diamalkan Universiti London dianggap tidak sesuai untuk pelajar di Tanah Melayu, kerana asas kurikulumnya adalah berkaitan bahasa Latin, Inggeris pertengahan dan Anglo-saxon. Justeru, standard pendidikan tinggi empayar di wilayah timur mula dipertimbangkan sebagai asas pembinaan pendidikan tinggi peringkat universiti di Tanah Melayu (CO 273/651/9 1939b).

Pada tahun 1939, Suruhanjaya Pendidikan Tinggi Tanah Melayu menggariskan dua kriteria bagi membolehkan sesebuah kolej di naik taraf sebagai universiti. Antaranya (CO 273/651/9 1939a).;

- i. *the college must provide courses of study which enable its students to reach the standard of knowledge that is recognised as necessary for the award of degree.*
- ii. *It must make contributions to the sum of knowledge by research, carried out both by the members of its staff and by those students who seek higher degree by post-graduate investigation.*

Berdasarkan kedua-dua kriteria yang dinyatakan, Suruhanjaya Pendidikan Tinggi Tanah Melayu mendapati hanya *King Edward VII College* sahaja yang mematuhi standard, sementara Kolej Raffles dikatakan tidak mempunyai kualiti kurikulum yang standard dan prestasi akademik pelajarannya yang tidak mencapai tahap (CO 273/651/9 1939a).

Oleh yang demikian, penggabungan Kolej Raffles dan *King Edward VII College* dirasakan perlu oleh pihak suruhanjaya bagi membolehkan Universiti Malaya ditubuhkan. Namun, usaha ini terhenti ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Malahan, usaha ini turut disokong oleh UMNO. Mewakili parti tersebut, Dato Panglima Bukit Gantang, Setiausaha

Agung UMNO, memaklumkan kepada R. Priestly, ahli jawatankuasa Pendidikan Tinggi Tanah Melayu, bahawa telah sampai masanya sebuah universiti ditubuhkan. Tambahan lagi, universiti tersebut hendaklah dibina sama ada di Kuala Lumpur ataupun Ipoh (CO 273/667/6 1946). Pada tahun 1947, Setiausaha Kolonial melantik satu lagi Suruhanjaya Pendidikan Tinggi⁵ yang diketuai Alexander Carr-Saunders, Pengarah '*the London School of Economics and Political Sciences*' untuk merangka cadangan pembangunan pendidikan universiti di Tanah Melayu. Pada tahap ini, Kerajaan Malayan Union menyokong langkah yang dilaksanakan Pejabat Kolonial untuk menubuhkan Universiti Malaya bukan sahaja untuk keperluan penduduk di Tanah Melayu, tetapi untuk kemasukan pelajar asing di Rantau Asia Tenggara (CO 717/160/6 1947). Sementara itu, Kerajaan British bersetuju memperuntukan sebanyak £4.5 juta dari tabung '*Colonial Development and Welfare Act*' bagi menggabungkan Kolej Raffles dan *King Edward VII College* sebagai kolej universiti sebelum penubuhan rasmi Universiti Malaya. Kuala Lumpur dan Singapura merupakan dua tempat yang dipertimbangkan oleh pihak British untuk menubuhkan Universiti Malaya. Pemilihan Singapura sebagai tempat kampus utama boleh dikaitkan dengan saranan *Foreign Office* kepada Pejabat Kolonial, bahawa pemilihan tempat untuk Universiti Malaya hendaklah tidak menggambarkan seperti '*a Malayan University for Malay students*'. Pemilihan tempat perlu dapat menarik minat pelajar antarabangsa (CO 717/160/6 1947).

Universiti Hong Kong

Universiti Hong Kong merupakan sebuah universiti terawal menjadi pilihan kepada calon-calon dari Tanah Melayu untuk melanjutkan pengajian dalam pendidikan tinggi. Ketiadaan institusi pendidikan tinggi di Tanah Melayu telah mendorong calon-calon dari Tanah Melayu memilih Universiti Hong Kong sebagai institusi utama disebabkan calon-calon yang berjaya menamatkan pengajian di sini berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya iaitu peringkat Ijazah di Universiti Cambridge (*The Straits Echo* 1920). Dalam konteks ini, calon yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh 3 tahun di Universiti Hong Kong tidak perlu menjalani peperiksaan ke Cambridge sebaliknya berpeluang melanjutkan pengajian terus ke Cambridge. Kelebihan melanjutkan pengajian ke Cambridge secara terus setelah menamatkan pengajian dengan cemerlang telah mendorong minat pelajar untuk meletakkan Universiti Hong Kong sebagai pilihan utama bagi melayakkan diri menuntut ilmu di luar Tanah Melayu. Selain menyediakan peluang pengajian ke Cambridge tanpa peperiksaan dan penilaian, Lembaga Matrikulasi Universiti Hong Kong juga menjalin kerjasama yang baik bersama *King Edward VII College* dengan mencadangkan bahawa biasiswa King Edward VII harus dianugerahkan kepada pelajar yang berjaya mendapat keputusan cemerlang dalam *Hong Kong School Certificate Examination* (Malaya Tribune 1934). Perkara ini merujuk terhadap kejayaan pelajar mendapatkan sijil peperiksaan Hong Kong merupakan langkah penting untuk melayakkan diri secara terus ke Universiti Hong Kong. Dalam pada masa yang sama, kecemerlangan Universiti Hong Kong sebagai sebuah universiti terbaik di dalam empayar Britain merupakan perkara yang positif kepada Britain kerana mampu mendatangkan impak dari sudut perhubungan Timur dan Barat khususnya meningkatkan status Britain di Wilayah China (*The Straits Times* 1913).

Objektif kerajaan kolonial British menggalakkan penghantaran calon-calon dari Tanah Melayu ke Hong Kong disebabkan pentadbiran British mahu menyediakan guru yang lebih berkelayakan tinggi dan berpotensi mendidik pelajar-pelajar sekolah Inggeris di Tanah Melayu (Sel. Sec. G. 371/1928). Hal ini demikian kerana, sebelum penubuhan Kolej Raffles di Tanah Melayu, pelajar-pelajar yang berpotensi menjadi seorang guru akan dihantar ke Universiti Hong Kong bagi memperolehi pengiktirafan sebagai seorang guru. Dalam konteks ini, tempoh pembelajaran yang disediakan adalah selama tiga tahun dan sekiranya pelajar berjaya

menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan maka pelajar akan dibekalkan dengan anugerah peringkat diploma. Tahap pendidikan tinggi yang dimiliki lepasan guru-guru dari Universiti Hong Kong akan menempatkan mereka di Gred I dan berkhidmat di sekolah-sekolah Inggeris cemerlang di Tanah Melayu. Guru-guru yang baharu berkhidmat di sekolah-sekolah Inggeris turut menerima bayaran gaji yang lebih tinggi berbanding guru-guru Melayu di sekolah vernakular. Selain menerima kadar gaji yang lebih tinggi, pentadbiran kolonial British turut memperuntukkan elaun pencen sebanyak \$20 setiap tahun kepada guru lepasan Universiti Hong Kong dan Kolej Raffles (Sel. Sec. G 371.1928).

Meskipun kerajaan kolonial British menyediakan kemudahan melanjutkan pengajian pendidikan tinggi di Hong Kong namun pada tahun 1928 penghantaran pelajar ke Universiti Hong Kong mula dihentikan. Hal ini demikian kerana, pembukaan rasmi *Raffles College* pada tahun terbabit memberi penekanan terhadap bidang sains dan kemanusiaan dengan tujuan melahirkan golongan guru yang berpengetahuan dan berkecayaan tinggi untuk mendidik pelajar khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu (Sel. Sec. G 371/1928). Cadangan untuk mengurangkan kemasukan pelajar ke Hong Kong juga disambut baik oleh pihak Residen Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Hal ini demikian kerana, melalui cadangan ini dapat meningkatkan bilangan pelajar yang bercita-cita melanjutkan pengajian tanpa perlu keluar dari Tanah Melayu. Penurunan bilangan pelajar Tanah Melayu di Universiti Hong Kong membuktikan kemajuan sistem pendidikan tinggi di Tanah Melayu semakin berkembang dan berjaya menarik minat pelajar khususnya masyarakat Melayu untuk meneruskan pengajian ke peringkat tertinggi. Dasar pendidikan dan kesungguhan pentadbiran Jabatan Pendidikan juga membuktikan usaha-usaha yang dilaksanakan bagi membangunkan sistem pendidikan tinggi Tanah Melayu (*Malaya Tribune* 1927). Kemajuan pendidikan tinggi Tanah Melayu khususnya penubuhan Kolej Raffles telah membantu pelajar Tanah Melayu untuk meneruskan pengajian di dalam negara tanpa perlu belajar di negara lain.

Universiti Cambridge

Perkembangan pendidikan tinggi di Tanah Melayu semakin berkembang dalam kalangan calon-calon Melayu khususnya menjelang tahun 1930-an. Hal ini demikian kerana, kuota yang diperuntukkan kepada calon dari Tanah Melayu untuk melanjutkan pengajian ke London semakin meningkat. Meskipun peningkatan kuota telah disediakan oleh pentadbiran kolonial British namun, calon perlu melepasi *Senior Cambridge Examination* bagi membuktikan bahawa calon benar-benar berkecayaan melanjutkan pengajian ke London. Keperluan pelajar mengambil peperiksaan ini disebabkan syarat utama bagi mereka melayakkan diri ke universiti tersebut. Pada tahap ini, tumpuan kursus pengajian adalah berkaitan perundangan dan sains tulen berbanding sains kemanusiaan. Selain kesukaran kursus yang ditawarkan, aspek perbelanjaan dan yuran yang tinggi juga merupakan cabaran kepada masyarakat Tanah Melayu untuk melanjutkan pengajian di Universiti Cambridge. Sehubungan dengan itu, calon-calon dari Tanah Melayu bergantung dengan bantuan biasiswa daripada kerajaan British bagi menampung perbelanjaan sepanjang tempoh pengajian. Permintaan pelajar Melayu ke London dalam bidang undang-undang mula meningkat sebaik sahaja kejayaan Mohamed Suffian Bin Haji Mohamed Hashim dan Ahmad Bin Mohamed Ibrahim menjadi pelajar Melayu terawal memenangi anugerah Biasiswa Ratu untuk melanjutkan pengajian ke Universiti Cambridge dalam jurusan undang-undang (*The Straits Times* 1935; *Malaya Tribune* 1935). Kejayaan pelajar Melayu untuk memenangi anugerah biasiswa ratu secara tidak langsung telah mengubah dasar pentadbiran kolonial membuka peluang yang lebih luas kepada pelajar Melayu untuk memohon bantuan biasiswa lalu menempatkan diri di Universiti Cambridge.

Kejayaan pelajar Melayu memenangi anugerah biasiswa secara tidak langsung membuktikan kemahuan orang Melayu untuk meneruskan tahap pengajian. Penglibatan pelajar

Melayu dalam jurusan undang-undang turut didorong oleh keperluan tenaga kerja profesional yang berkelayakkan untuk berkhidmat dalam pentadbiran *Malayan Civil Service* (MCS) dan MAS (Khasnor 1984). Perkara ini juga merujuk terhadap keinginan dan cita-cita pelajar Melayu melanjutkan pengajian dalam jurusan undang-undang turut dipengaruhi oleh wujudnya persaingan dari sudut peluang pekerjaan antara pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu khususnya persaingan dengan masyarakat Eropah yang berkhidmat di sektor pentadbiran. Persaingan yang berlaku secara tidak langsung telah mendorong pentadbiran kolonial British menerima kemasukan orang Melayu dalam bidang pentadbiran kerajaan kolonial British (Muhammad Firdaus & Mohd Shazwan 2024). Syarat yang ditetapkan pentadbiran kolonial British untuk melantik pegawai Melayu dalam bidang pentadbiran adalah dengan menguasai dan mempelajari ilmu perundangan. Ilmu perundangan yang ditetapkan penting bagi memastikan pegawai yang dilantik mempunyai pengetahuan dalam menguruskan sesuatu perkara berdasarkan undang-undang yang dibina. Sehubungan dengan itu, antara ilmu perundangan yang perlu dikuasai oleh pelajar dari Tanah Melayu sepanjang tempoh pengajian di Cambridge merangkumi undang-undang perlembagaan, undang-undang kehakiman, undang-undang jenayah, undang-undang bahagian kontrak dan undang-undang rom (Singapore Free Press 1936).

Selain memberi galakkan terhadap pendidikan undang-undang, permintaan kemasukan pelajar dalam kursus kejuruteraan turut diutamakan kerana kursus yang ditawarkan oleh pihak Universiti Cambridge mendapat sambutan baik daripada pelajar Tanah Melayu. Buktinya pada tahun 1946, sebanyak 43 permohonan melanjutkan pengajian dalam bidang kejuruteraan telah diusulkan kepada jabatan pendidikan (Malayan Union No 538/1946). Jumlah permintaan yang tinggi menyebabkan proses pemilihan perlu dinilai dan diteliti dengan baik bagi memastikan pelajar yang memohon mempunyai latarbelakang pendidikan Inggeris yang berkelayakkan. Sebaik sahaja permohonan pelajar memasuki bidang kejuruteraan diluluskan, pelajar perlu bersedia menghadapi peperiksaan teknologi dalam kejuruteraan elektrik bagi memastikan pelajar benar-benar bersedia untuk diserap berkhidmat dalam Jabatan Telekomunikasi khususnya (Malayan Union No 538/1946).

Warisan Maktab Kirkby (Kirkby College)

Dasar British membangunkan golongan guru berkelayakkan dalam aliran pendidikan Melayu lebih tertumpu terhadap pembelajaran di *Sultan Idris Training College* (SITC). Walau bagaimanapun sewaktu Peperangan Dunia Kedua terjadi, Tanah Melayu telah dikuasai oleh pihak tentera Jepun dalam tempoh masa yang singkat sehingga menyebabkan banyak kerosakan berlaku di Tanah Melayu termasuklah perkembangan pendidikan tinggi di SITC. Sehubungan dengan itu, pada tahun 1946 Lembaga Pelajaran Britain telah menubuhkan *Emergency College* (EC) di wilayah Kirkby yang terletak di Liverpool bagi membaik pulih keadaan disana khususnya berkaitan sistem pendidikan dan perguruan. Usaha pentadbiran kolonial British memperkenalkan *Emergency College* mendapat reaksi baik daripada pihak Persekutuan Tanah Melayu (PTM) apabila pihak PTM bersetuju bekerjasama membangunkan sebuah kolej perguruan di Liverpool.⁶ Robert Williams pengetua pertama di *Kirkby College* turut menyifatkan (Anon, 2010):

By an standard, it was unique in the history of education. For the first time, the Government of a country had established in a far-off land a teacher's college for its own students. Never before, had any Government in the world set up its own College in Britain.

Berdasarkan hujah yang disampaikan oleh Robert Williams membuktikan sistem pendidikan tinggi di Tanah Melayu semakin berkembang meskipun menghadapi cabaran kemaraan tentera Jepun di Tanah Melayu sewaktu Perang Dunia Kedua. Walau bagaimanapun, sebelum keputusan dicapai untuk membuka sebuah kolej perguruan di London, Pengarah Jabatan Pendidikan Tanah Melayu mengusulkan kepada Ketua Setiausaha di Kuala Lumpur untuk menggunakan sebuah bangunan di Kuala Kangsar sebagai tempat latihan perguruan akibat penutupan SITC (Dept 16/13 Secretariat Dept Education). Cadangan yang diusulkan bertujuan memastikan sistem pendidikan tinggi di Tanah Melayu untuk melahirkan guru berkelayakkan tidak terhenti.

Justifikasi pembukaan Kirkby College di luar Tanah Melayu bertujuan memastikan kesinambungan sistem pendidikan Tanah Melayu dalam melahirkan guru-guru cemerlang dan berkelayakkan. Namun begitu, peluang melayakkan diri ke Kolej Kirkby adalah terhad kerana calon harus menepati syarat yang telah ditetapkan oleh pihak British iaitu calon perlu menghadiri sesi temuduga bersama Pemangku Pengarah Pendidikan bagi membuktikan calon bersedia menghadiri latihan di Kolej Kirkby (*The Straits Times* 1954). Sesi temuduga dijalankan bertujuan menapis seramai 300 orang calon yang telah disenarai pendek oleh pihak Jabatan Pendidikan. Pemilihan perlu dilakukan bagi memilih seramai 150 orang calon yang berpotensi dan layak melanjutkan pengajian di Kirkby. Sebaik sahaja calon yang terpilih diumumkan, calon perlu melakukan perkara atau prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak British khususnya berkaitan pembelajaran dan peraturan sewaktu berada di luar Tanah Melayu. Antara syarat yang perlu dipatuhi oleh pelajar ialah sebaik sahaja tiba di kolej pelajar perlu menyerahkan kad ini dan mendapatkan tanda tangan daripada warden kolej, pelajar perlu menjalankan tugas yang telah ditetapkan dan minuman keras tidak dibenarkan masuk ke asrama (Muzium Pendidikan Nasional Universiti Pendidikan Sultan Idris). Peraturan yang ditetapkan bertujuan mengawal corak kehidupan pelajar-pelajar Tanah Melayu ketika berada di England.

Selain itu, penerimaan pelajar Tanah Melayu di Kolej bertujuan menerapkan unsur-unsur teknik pengajaran moden kepada calon kerana Kolej Kirkby merupakan maktab pertama yang melatih guru-guru *Public English School* dan *Government English School* dalam aliran Inggeris (Anon 2010). Dalam konteks ini, teknik pengajaran moden yang cuba diterapkan merupakan simbol kepada lepasan-lepasan Kolej Kirkby untuk mengubah corak pendidikan di Tanah Melayu. Perkara ini juga merujuk terhadap perkembangan pendidikan moden perlu diteruskan di Tanah Melayu supaya sistem pendidikan Tanah Melayu dapat melahirkan lebih ramai golongan intelektual dalam pelbagai bidang. Dari sudut penghantaran pelajar-pelajar ke Kirkby, pentadbiran kolonial British telah menyediakan kemudahan pengangkutan iaitu perjalanan melalui kapal layar dan pentadbiran kolonial juga telah bekerjasama dengan syarikat penerbangan *British Overseas Airways Corporation* untuk menghantar pelajar menggunakan kapal terbang.

KEMUDAHAN PENDIDIKAN

Dalam kerangka perkembangan pendidikan tinggi era kolonial, penyediaan infrastruktur merupakan perkara asas dalam menyokong dan membantu proses pengajian pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian. Perkara ini merujuk terhadap kemudahan disediakan oleh pentadbiran kolonial bagi memberi keselesaan dan kemudahan kepada pelajar. Infrastruktur bukan sahaja merujuk kepada fasiliti yang disediakan institusi pengajian misalnya asrama, makmal dan bilik kuliah tetapi ianya juga melibatkan jaringan pengangkutan yang berfungsi menghubungkan pelajar dari Semenanjung Tanah Melayu ke pusat pendidikan tinggi iaitu di Singapura. Kemudahan yang diperuntukkan oleh pentadbiran kolonial bertujuan membangunkan sistem pendidikan tinggi yang mampu melahirkan golongan intelektual bagi

mengisi keperluan dalam birokrasi pentadbiran. Sehubungan dengan itu, aspek kemudahan pengangkutan dan fasiliti institusi perlu diperincikan kerana ianya merupakan akses utama pelajar dari Tanah Melayu ke institusi pengajian tinggi di Singapura.

Kemudahan Pengangkutan

Jaringan pengangkutan moden khususnya sistem kereta api merupakan sebuah kemudahan yang signifikan digunakan pelajar bagi memudahkan perjalanan ke institusi pendidikan tinggi yang berpusat di Singapura. Dalam konteks ini, pembangunan landasan kereta api khususnya di NNMB bukan sahaja berperanan sebagai tunjang ekonomi dan perdagangan namun pembangunan ini turut menyediakan kemudahan mobiliti yang lebih sistematik kepada pelajar. Penggunaan kereta api sebagai mobiliti utama dalam perkembangan pendidikan tinggi Tanah Melayu membuka peluang lebih luas kepada pelajar untuk bergerak ke institusi pendidikan tinggi yang ditawarkan di Singapura. Kepentingan menyediakan perkhidmatan pengangkutan bagi memudahkan pergerakan pelajar ke institusi pendidikan tinggi menyebabkan pentadbiran kolonial turut menyediakan pembiayaan kos pengangkutan dalam biasiswa pendidikan (Sel. Sec. General 794/1937). Kos perjalanan yang ditanggung oleh biasiswa pendidikan penting bagi mengurangkan bebanan pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi. Usaha menanggung kos perjalanan pelajar ke institusi pendidikan tinggi mendapat sambutan daripada pentadbiran NNMB dengan menawarkan keistimewaan pengangkutan percuma melalui perkhidmatan kereta api pada awal dan akhir setiap penggal pembelajaran (Education Code part IV 1936). Keistimewaan yang diperuntukkan pada awal dan akhir penggal membantu meringankan pergerakan pergi dan balik pelajar dari Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) menghadiri pengajian di institusi pendidikan tinggi.

Dalam usaha menarik minat pelajar Melayu melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi melalui kemudahan perjalanan, pentadbiran kolonial British menggalakkan penubuhan biasiswa pendidikan baharu bagi menampung kos pengangkutan pelajar (Muhammad Firdaus & Mohd Shazwan 2024). Kepentingan biasiswa bukan sahaja membantu pelajar dari sudut kos sara hidup dan yuran pengajian malah ianya turut mempunyai kepentingan dalam meringankan beban pergerakan pelajar. Kemudahan biasiswa ini turut ditawarkan di NNMTB iaitu Kelantan dengan menyediakan biasiswa khusus pendidikan bagi memastikan pelajar Melayu dari negeri Kelantan berminat untuk melayakkan diri melanjutkan pengajian di institusi pendidikan tinggi (Education Code part IV, 1936). Tawaran yang diberikan secara tidak langsung dapat meningkatkan peluang pelajar melanjutkan pengajian tanpa memikirkan beban kewangan khususnya mengenai kos pengangkutan ke institusi pengajian. Selain menghubungkan kepentingan biasiswa dalam aspek pengangkutan, pentadbiran kolonial British melalui '*Railways Board*' juga menawarkan tambang yang murah bagi memudahkan mengakses kemudahan pengangkutan kereta api khususnya (Sel Sec 1394/1924). Tambang murah yang diperuntukkan ini secara tidak langsung meringankan kos perbelanjaan pelajar dari segi pengangkutan dan pergerakan pelajar ke sesuatu tempat.

Selain memperuntukkan pembiayaan kos pengangkutan di dalam Tanah Melayu, terdapat juga biasiswa yang menyediakan kemudahan penajaan kos perjalanan ke institusi pendidikan tinggi di luar negara. Dalam konteks ini, kelebihan pelajar yang menerima bantuan biasiswa berpeluang ke luar negara untuk menimba ilmu moden melalui penajaan kapal terbang atau kapal layar (Sel Sec. G 1018/1928). Peluang yang ditawarkan ini secara tidak langsung membuka peluang kepada pelajar dari Tanah Melayu pergi ke luar negara dengan tujuan pendidikan. Pelajar dibawah penajaan Biasiswa Ratu dari Negeri-Negeri Selat turut mempunyai kelebihan dihantar ke London melalui penajaan tiket pergi dan pulang semula ke Tanah Melayu (Education Code part IV 1936). Kelebihan yang diperuntukkan ini secara tidak

langsung dapat meningkatkan kemahiran dan pendidikan pelajar yang dihantar ke institusi pendidikan tinggi luar negara. Pengalaman yang diperolehi dapat membentuk pemikiran moden dalam kalangan pelajar serta berpotensi memegang jawatan dalam perkhidmatan awam kerajaan kolonial British hasil daripada melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi.⁷ Peluang yang diperolehi ini juga selari dengan matlamat penubuhan pendidikan tinggi untuk menyediakan tenaga kerja terlatih dalam bidang profesional khususnya melibatkan perkhidmatan awam (Loh 1975).

Fasiliti Institusi

Berbalik kepada tujuan penubuhan institusi pendidikan tinggi yang mempunyai kepentingan terhadap pentadbiran kolonial British itu sendiri maka pelbagai kemudahan mula dibangunkan. Selari dengan penubuhan *King Edward VII College of Medicine* dan *Raffles College* sebagai institusi utama dalam sektor pendidikan tinggi, ianya menjadi penanda aras terhadap komoditi infrastruktur pendidikan. Pemodenan infrastruktur pendidikan yang dinyatakan membawa maksud penyediaan asrama pelajar, makmal penyelidikan, perpustakaan dan ruangan kelas yang lebih moden untuk digunakan oleh kakitangan kolej dan pelajar. Pada peringkat awal pembinaan *King Edward VII College of Medicine*⁸, struktur bangunan dimulakan dengan penambahbaikan daripada bangunan-bangunan hospital lama sebelum sebuah bangunan baharu yang dilengkapi makmal dan dewan kuliah siap dibina pada tahun 1926 (Abu Hanifah & Roslina Abd Ghani 2021). Dalam usaha meningkatkan kemasukan pelajar ke kolej ini, pentadbiran kolonial British mula memajukan kemudahan asas misalnya asrama pelajar, kursus pembelajaran dan menambah baik ruang pembelajaran moden. Pada tahun 1916, bangunan asrama lelaki berdekatan dengan Hospital Tan Tock Seng siap dibina bagi menampung peningkatan pelajar yang berminat dalam bidang perubatan (*Sunday Standard* 1952). Buktinya rekod kemasukan pelajar Melayu yang melanjutkan pengajian di *King Edward VII College of Medicine* dianggarkan melebihi 20 orang pelajar malah kadar peratusan kemasukan ini semakin meningkat pada setiap tahun berikutnya (*Sunday Standard* 1952). Penambahan kuasa di asrama pelajar membolehkan pelajar menerima penempatan di dalam kolej itu sendiri dengan kadar yuran kolej yang rendah. Kemudahan penempatan pelajar secara tidak langsung juga membantu meringankan kos pembelajaran sewaktu di peringkat pendidikan tinggi.

Kepentingan kolonial dalam menubuhkan kolej perubatan juga menyumbang terhadap perkembangan sistem kesihatan di Tanah Melayu. Buktinya makmal nutrisi mula dibina pada pertengahan abad ke 20 di *King Edward VII College of Medicine* bagi memenuhi kepentingan kajian sains nutrisi di Tanah Melayu (*Malaya Tribune* 1932). Kepentingan kajian sains nutrisi ini turut menjadi penanda aras terhadap perkembangan ilmu perubatan dan penyelidikan dalam empayar British. Penyelidikan baharu ini bertujuan memastikan bekalan makanan asas yang ada di Tanah Melayu berada pada tahap yang baik supaya penduduk tempatan dapat menikmati zat pemakanan yang seimbang (*Malaya Tribune* 1932). Dalam usaha meningkatkan tahap penyelidikan, suatu jabatan berkaitan bakteriologi turut dibangunkan dengan tujuan penghasilan dan kajian berkaitan virus, bakteria dan vaksin. Kepentingan pentadbiran kolonial dalam bidang perindustrian dan pertanian di Tanah Melayu menyebabkan tertubuhnya jabatan ini supaya pengetahuan biologi yang dimiliki pegawai-pegawai British dapat diaplikasikan dalam kajian saintifik (*The Straits Times* 1925). Perkembangan dua jabatan utama ini penting bagi membuka peluang kepada golongan berpendidikan khususnya para pelajar yang minat dalam bidang sains perubatan menyumbang kepada kemajuan sains perubatan di Tanah Melayu.

Berbeza dengan penubuhan *Raffles College* yang dibina melalui kutipan dana dan sumbangan dana kerajaan kolonial bagi membentuk sebuah kolej yang lengkap dengan

kemudahan asas. Antara kemudahan yang dibangunkan di Raffles College ialah penyediaan Dewan Oei Tiong Ham, bilik kuliah, blok sains yang mempunyai empat bilik kuliah dan empat makmal, Dewan Eu Tong Sen Hall yang boleh menempatkan 60 orang pelajar serta kuarters tenaga pengajar (Memo From Supt. Of Education). Kemudahan asas yang lengkap membolehkan kadar kemasukan pelajar dari Tanah Melayu dipilih dalam kuantiti yang lebih tinggi. Selari dengan peningkatan pelajar di kolej ini, maka ianya dapat menampung keperluan guru tahap tinggi di sekolah-sekolah Inggeris kerajaan. Perkara ini juga secara tidak langsung membuka peluang pekerjaan kepada pelajar tempatan untuk mengisi kekosongan jawatan guru kerana matlamat *Raffles College* melahirkan guru yang berkecayaan mengajar di sekolah Inggeris serta melahirkan golongan intelektual yang berkebolehan berkhidmatan dalam sektor pentadbiran (FMS 1933).

GOLONGAN PENTADBIR DAN INTELEK MELAYU

Kemudahan yang disediakan pentadbiran kolonial dalam sistem pendidikan tinggi telah membuka peluang masyarakat tempatan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi dalam bidang perkhidmatan awam kolonial di Tanah Melayu sebaik sahaja menamatkan pengajian. Penglibatan masyarakat Tanah Melayu khususnya orang-orang Melayu dalam sektor pentadbiran MCS bukanlah perkara yang mudah disebabkan menerima saingan daripada pegawai-pegawai Eropah yang memonopoli struktur pekerjaan di MCS. Kesulitan masyarakat Melayu menempatkan diri dalam perkhidmatan MCS pada awalnya didorong oleh syarat kelayakan berasaskan taraf pendidikan yang telah ditetapkan oleh pentadbiran kolonial iaitu syarat minima berkhidmat di jabatan MCS adalah melepasi ujian bahasa Inggeris sewaktu peringkat menengah (CO 273/584). Keperluan golongan berpendidikan Melayu menempatkan diri dalam bidang perkhidmatan MCS penting untuk mempengaruhi penglibatan atau permohonan orang-orang Melayu dalam sektor MCS supaya dapat memberi saingan kepada golongan intelektual bukan Melayu khususnya pegawai-pegawai dari Eropah. Perkara ini juga secara tidak langsung telah menarik minat pegawai-pegawai Melayu yang berada di jabatan MAS untuk meningkatkan tahap pekerjaan dengan membuat permohonan melayakkan diri berkhidmat dalam pentadbiran MCS. Menjelang pertengahan abad ke 20, penglibatan golongan intelek dalam perkhidmatan MCS semakin berkembang malah terdapat juga desakan dilakukan ke atas British supaya lebih banyak jawatan berpangkat tinggi disediakan serta kenaikan gaji diberikan kepada orang-orang Melayu (Allan 1970). Kemudahan yang ditawarkan berjaya meningkatkan trend kemasukan pelajar Tanah Melayu untuk melanjutkan pengajian di peringkat pendidikan tinggi. Kejayaan menempatkan bilangan pelajar dari Tanah Melayu khususnya melibatkan orang Melayu melalui kemudahan yang ditawarkan telah berjaya meningkatkan bilangan pegawai Melayu dalam bidang pentadbiran.

Jadual 1 Senarai Nama Pegawai Melayu Dinaikkan Pangkat Ke M.C.S tahun 1950

Nama	Jawatan Sebelum
Hashim Bin Mat Drin	Pegawai M.A.S
Ahmad Bin Haji Husin	Pegawai M.A.S
Abdul Rahman Bin Mat	Pegawai M.A.S
Mohamed Husein Bin Talhah	Pegawai M.A.S
Raja Ayoub Bin Raja Haji	Pegawai M.A.S
Abdullah Bin Ibrahim	Pegawai M.A.S
Abdullah Bin Kulop Udi	Pegawai M.A.S

Sumber: Sel Sec 1643/1949, Omcremental Dates Of Che Ahmad Bin Haki Husin, Malayan Civil Service, District Officer Ulu Langat and Che Mohamed Bin Baba, Memo daripada Cheif Secretary Federal Secretariat Kuala Lumpur, Federation Of Malaya pada October 1950

Berdasarkan jadual diatas membuktikan penglibatan golongan intelek Melayu dalam bidang pentadbiran khususnya di jabatan MCS semakin mendapat sambutan dan galakkan daripada pentadbiran kerajaan kolonial. Dalam erti kata lain, pentadbiran kerajaan kolonial mula membuka peluang yang lebih banyak kepada golongan berpendidikan Tanah Melayu untuk menceburi bidang pentadbiran khususnya di MCS sekiranya mempunyai kelulusan tahap pendidikan tinggi. Selain itu, peningkatan peluang orang Melayu berkhidmat di MCS secara tidak langsung menarik minat pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi. Peluang masyarakat Tanah Melayu khususnya golongan intelek Melayu menceburi bidang pentadbiran juga merupakan hasil daripada pelaksanaan British membuka institusi pendidikan *Raffles College* pada tahun 1928.

Selain meningkatkan penglibatan orang Melayu dalam bidang pentadbiran, perkembangan pendidikan di Tanah Melayu turut menyumbang kepada kemunculan golongan intelektual dalam bidang perubatan di Tanah Melayu. Penubuhan *King Edward VII College Of Medicine* pada tahun 1905 bertujuan melatih dan melahirkan golongan berpendidikan dalam bidang perubatan misalnya menjadi seorang doktor mahupun pembantu pakar bedah dalam perkhidmatan kerajaan (FMS 1939). Kemajuan ilmu perubatan moden merupakan perkara asas membentuk golongan intelektual Tanah Melayu yang mahir dalam bidang perubatan bagi menjamin kesejahteraan dan kesihatan masyarakat setempat. Sehubungan dengan itu, dasar British menubuhkan *King Edward VII College of Medicine* secara tidak langsung telah mempengaruhi minat pelajar-pelajar dari Tanah Melayu untuk melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan (IMR 1951). Selari dengan matlamat penubuhan kolej meningkatkan ilmu sains moden, fasiliti yang disediakan oleh pentadbiran kolonial lebih menumpukan terhadap kemudahan kajian perubatan misalnya makmal dan ilmu perubatan. Tempoh pengajian yang diperuntukkan merupakan persediaan dan pendedahan kepada pelajar untuk mempraktikan amalan perubatan. Antara pembelajaran awal sewaktu penubuhan *King Edward VII College* ialah ilmu perubatan, pembedahan, perubatan klinik dan perbidanan moden. Skop mata pelajaran yang disediakan bertujuan melatih pelajar menjadi penolong pakar bedah dalam perkhidmatan kerajaan serta memberi kesedaran dan kefahaman mengenai penjagaan kebersihan kepada penduduk Tanah Melayu (*Malaya Tribune* 1937). Kemudahan yang disediakan secara tidak langsung telah mempengaruhi kemasukan pelajar dari Tanah Melayu untuk melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan. Jadual 2 memaparkan senarai nama pelajar Tanah Melayu yang berjaya berkhidmat dalam bidang perubatan,

Jadual 2 Kemunculan golongan intelektual dalam bidang perubatan pada tahun 1932

Nama	Jawatan
Abdul Latif Bin Abdul Razak	Pegawai Perubatan
K.Murugasu	Pembantu Pegawai Perubatan Gred II
Nazamudin Ahmad	Pembantu Pegawai Perubatan
Abdul Gahni Bin Mohd	Pembantu Pegawai Perubatan
V.J Seevaratnam	Pembantu Pegawai Perubatan
Vong Pin	Pembantu Kakitangan I dalam Gred Khas Pembantu Hospital
Khoo Boon Chuan	Pembantu Kakitangan I dalam Gred Khas Pembantu Hospital

Sumber: Sel Sec F 207/1932 Establishment Lists 1932, Medical and Health Department Selangor

Berdasarkan Jadual 2 membuktikan perkembangan sistem pendidikan tinggi di Tanah Melayu melalui penubuhan *King Edward VII College* telah berjaya melahirkan lepasan pelajar yang mempunyai kemahiran dalam bidang perubatan untuk berkhidmat dalam dibawah jabatan

kesihatan. Peningkatan peluang pekerjaan dalam bidang perubatan yang diberikan kepada masyarakat Melayu membuktikan keberkesanan perkembangan sistem pendidikan tinggi di Tanah Melayu khususnya penubuhan *King Edward VII College* berjaya melahirkan golongan intelektual perubatan daripada pelajar-pelajar Tanah Melayu.

KESIMPULAN

Natijahnya, dasar pentadbiran kolonial British mengenai sistem pendidikan tinggi di Tanah Melayu membuktikan pentadbiran British mula memberi penekanan dalam pelbagai aspek bagi membangunkan sistem pendidikan tinggi di Tanah Melayu. Pelaksanaan dan penyediaan kemudahan misalnya biasiswa, kemudahan pengangkutan dan peluang melanjutkan pengajian ke luar negara secara tidak langsung telah menarik minat pelajar khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu untuk meneruskan tahap pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Pembangunan kemudahan dan infrastruktur pendidikan tinggi di Tanah Melayu semasa era kolonial mencerminkan dasar pendidikan British yang bersifat selektif, pragmatik, dan berorientasikan kepentingan pentadbiran penjajah. Kajian ini membuktikan bahawa usaha awal British dalam menyediakan pendidikan tinggi bukanlah berteraskan keadilan sosial atau pengembangan ilmu secara menyeluruh kepada seluruh masyarakat, tetapi lebih tertumpu kepada penyediaan tenaga kerja terlatih daripada kalangan elit Melayu untuk menyokong struktur pentadbiran kolonial. Ini dapat dilihat melalui penubuhan institusi seperti *King Edward VII College of Medicine* (1905), *Sultan Idris Training College* (1922) dan *Raffles College* (1928) yang menjadi tonggak awal pendidikan tinggi di Tanah Melayu. Desakan Raja-Raja Melayu dalam persidangan Durbar menjadi pemangkin kepada perubahan dasar pendidikan British yang kemudiannya memperluaskan akses kepada pelajar Melayu luar bandar melalui penyediaan biasiswa, kemudahan penginapan, dan peluang pengajian ke luar negara seperti di Hong Kong dan Cambridge. Namun begitu, kemasukan masih terbatas kepada mereka yang mampu memenuhi syarat pendidikan dan kelulusan sistem pendidikan Inggeris seperti peperiksaan *Junior* dan *Senior Cambridge*.

Secara keseluruhan, sejarah pendidikan tinggi era kolonial memperlihatkan bagaimana dasar yang diperkenalkan oleh British secara tidak langsung telah membentuk kelompok intelektual Melayu moden yang kemudiannya berperanan dalam pentadbiran dan pembangunan negara pasca-kolonial. Meskipun sistem ini bersifat eksklusif, namun ia membuka ruang awal kepada pembentukan kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat tempatan. Oleh itu, pendekatan sejarah dalam kajian ini bukan sahaja menelusuri kronologi pembangunan institusi, tetapi juga mendedahkan dimensi sosial, politik dan kuasa yang mengiringi evolusi pendidikan tinggi kolonial di Tanah Melayu.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan di bawah Geran GGPM-2024-035, Universiti Kebangsaan Malaysia. Penulis mengucapkan terima kasih kepada Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara United Kingdom, Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM dan Perpustakaan London School of Economic and Political Science, London kerana telah memberikan akses rujukan bahan.

NOTA

¹ Pada persidangan Durbar kedua pada tahun 1903, Sultan Perak iaitu Sultan Idris menyuarakan isu berkaitan kedudukan orang Melayu dalam bidang pentadbiran perkhidmatan awam.

Baginda telah menggesa pentadbiran kolonial British supaya lebih ramai orang Melayu dilantik dalam perkhidmatan awam khususnya memegang jawatan-jawatan penting pentadbiran.

² Ahli lain mewakili Persekutuan Tanah Melayu yang terlibat dalam suruhjaya ini ialah Dato' Nik Kamil Haji Mahmud (Menteri Besar Kelantan), En. Yong Shook Lin, Dr. K. Md. Ariff, Tengku Abu Bakar Ibni Sultan Ibrahim, En. Zainal Abidin Haji Abas, H.R. Cheeseman dan En. E.E.C. Thuraisingham. Sementara wakil dari Singapura ialah Dr. W.J. Vickers, En. E.R. Koek, En. E.M.F. Fergusson, En. Sardon Haji Jubir, En. Thio Chan Bee dan En. N.A. Mallal.

³ Laporan akhbar ini juga merekodkan institusi MCKK berjaya melahirkan ramai belia yang berguna dan berpendidikan untuk mengisi jawatan-jawatan khususnya dalam perkhidmatan awam kerajaan.

⁴ Raja Chulan merupakan orang Melayu pertama yang terdiri daripada golongan aristokrat berlatar belakangkan pendidikan Barat dilantik memegang jawatan Pegawai Pentadbiran Persekutuan pada tahun 1886. Kejayaan Raja Chulan ini telah mendorong Raja-Raja Melayu menuntut peluang pendidikan Inggeris khususnya kepada anak-anak kerabat Di-Raja dan golongan aristokrat khususnya.

⁵ Anggota lain yang terlibat ialah W.J. Pugh, Timbalan Naib Canselor Universiti Manchester, G.W. Pickering, professor perubatan dari Universiti London, Ivor Jennings, Naib Canselor Universiti Ceylon, Leonard Barnes dan Han Hoe Lim ahli Majlis Penasihat dari Singapura.

⁶ Penubuhannya turut menerima kritikan di Tanah Melayu dan di England, namun bagi pihak yang melihat perspektif positif dan keperluan sezaman maka ianya dianggap sebagai perancangan ikhlas mengenai persahabatan pihak British dan Tanah Melayu.

⁷ Penubuhan *King Edward VII College of Medicine* bertujuan memajukan sektor perubatan moden di Tanah Melayu manakala penubuhan *Raffles College* menyediakan latihan penyelidikan dan perguruan menggunakan metod berasaskan teknikal dan saintifik moden

⁸ Sebelum dikenali sebagai *King Edward VII College of Medicine*, kolej ini dikenali sebagai *Straits and Federated Malay States Government Medical School* yang tidak mempunyai kemudahan fasiliti dan infrastruktur yang lengkap. Sebaik sahaja taraf sekolah ini dinaikkan kepada taraf sebuah kolej maka pelbagai cadangan diketengahkan bagi meningkatkan imej sebuah kolej baharu dibina. Sehubungan dengan itu, sebuah cadangan mengumpul dana dengan tujuan mewujudkan jawatan profesor, menubuhkan bilik-bilik kuliah dan membina bangunan baharu telah dipersetujui. Tujuan pengumpulan dana ini dilaksanakan bagi menampung dan menyokong sekolah perubatan sedia ada yang kekurangan tenaga kerja dan kemudahan am.

RUJUKAN

- 1125/1910. Re'Butter Wise Scholarship Fund "Surat daripada Secretariat Taiping Perak 8 March 1910 kepada Residen Perak".
- Abu Hanifah & Roslina Abd Ghani. 2021. "Perkembangan Pendidikan Tinggi di Tanah Melayu 1905-1957." *Malaysia dari Segi Sejarah* 49: 120-140.
- Ahmad Jafri & Mohd Samsudin. 2019. "Perkembangan Sistem Pentadbiran Persekutuan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu." *E-Bangi Journal Of Social Sciences and Humanities* 16(9): 133-155.
- Allan, J.De Verre. 1970. "Malayan Civil Service 1874-1941: Colonial Bureaucracy / Malayan Elite." *Comparative Studies in Society and History* 12(2): 149-78.
- Andaya, B.W. and Andaya, L.Y. 2017. *A History of Malaysia*. 3rd Ed. London. Palgrave.
- Anon. 2010. Kirkby College: Malayan Teachers Training College Kirkby, Liverpool England. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Card Youth Hostel Association (England & Wales). Muzium Pendidikan Nasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris
- CO 273/584. Opening of A Scheme for the Establishment of An Asian Branch Of The Civil Service Straits Settlements.
- CO 273/651/9. 1939a. Higher Education in Malaya, Report of the Commission appointed by Secretary of State for the Colonies, Public Records Office, London.
- CO 273/651/9. 1939b. Raffles College Commission Report (Original), Public Records Office, London.
- CO 273/660/12. 1939. Higher Education in Malaya. Report of Commission, Public Records Office, London.
- CO 273/667/6. 1946. Higher Education in Malaya, Public Records Office, London.
- CO 576/39. Federated Malay States Annual Report Of Education Department For The Year 1929.
- CO 717/160/6. 1947. Higher Education in Malaya, Public Records Office, London.
- CO 717/6/62. 1920. Cost of Living in Malaya, Public Records Office, London.
- DEPT/16/13. Secretariat Department Education: Sultan Idris Trainning College, Surat daripada Education Office kepada Chief Secretary Kuala Lumpur, 8th January 1946.
- Education Code part IV. 1936. A List of Scholarships in the Straits Settlements together with rules for the remission of fees. Singapore: Government Printing Office.
- Federation of Malaya. 1948. Report of the Select Committee to Examine and Report Upon the Detailed Constitutional Proposals of the Carr-Saunders Commission on University Education in Malaya.
- Federation of Malaya. 1951. Report of the Committee on Malay Education. Kuala Lumpur: The Government Press.
- FMS. 1928. Federated Malay States Annual Report For 1927. Kuala Lumpur: FMS Government Press.
- FMS. 1929. Federated Malay States Annual Report For 1928. Kuala Lumpur: FMS Government Press.
- FMS. 1930. Federated Malay States Annual Report For 1929. Kuala Lumpur: FMS Government Press.
- FMS. 1931. Federated Malay States Annual Report For 1930. Kuala Lumpur: FMS Government Press.
- FMS. 1933. Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States For 1932. Kuala Lumpur: FMS Government Press.
- FMS. 1939. Annual Report on Education In The Straits Settlements and The Federated Malay States for The Year 1938.

- Haris Md Jadi. 1990. *Etnik, Politik dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- IMR. 1951. The Institute For Medical Research 1900-1950, Studies From The Institute For Medical Research Federation Of Malaya, Jubilee Volume No 25.
- Khasnor Johan. 1984. *The Emergence of the Modern Malay Administrative Elite*. Singapore: Oxford University Press.
- Khasnor Johan. 2005. *Malay College Kuala Kangsar 1905-2005 Leadership But What's Next?*. Times Editions-Marshall Cavendish.
- Loh, Philip Fok Seng. 1975. *Seeds Of Separatism: Education Policy in Malaya 1873-1940*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Malaya Tribune*. 1927. "Malaya's Policy in Education Recent and Future Developments: English Education The Essential Science Behind Mainly Owing to the Great War," 18th August.
- Malay Tribune*. 1930. "School System In Malaya," 29 December.
- Malay Tribune*. 1935. "Result of the Local Queen's Scholarship First Malay to Win," 21 December.
- Malaya Tribune*. 1932. "Extension of Higher Education in Malaya," 15th December.
- Malaya Tribune*. 1934. "Hong Kong Varsity: Malaya and King Edward Scholarships," 17th November.
- Malaya Tribune*. 1937. "The College Of Medicine," 30 August.
- Malayan Union No 538/1946. Application For Engineering Courses in Cambridge University or in the University of Toronto, No 39 Minutes of the Meeting of the Scholarships Committee to Consider Applications for Colonial Development and Welfare Fund Scholarship
- MED/Phg 508/48. Higher Education United Kingdom for Candidate Proceeding to The United Kingdom.
- Memo From Supt. of Education, Alor Star ; The Clifford Fund For Raffles College Singapore.
- Mohd Shazwan Mokhtar, Muhammad Aslah Akmal & Suffian Mansor. 2019. Sejarah Perkembangan Majlis Raja-Raja Melayu. Prosiding Seminar 120 Tahun Majlis Raja-Raja Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Firdaus Mohamed Yunus & Mohd Shazwan Mokhtar. 2024. "Pendidikan Tiggi dan Perkhidmatan Awam Kolonial di Malaya." *Malaysia and Internasional History Review* 6(2): 75-94.
- Pinang Gazette and Straits Chronicle*. 1936. "Malay Administrative Service," 24 March.
- Sel Sec 1643/1949. Omcremental Dates Of Che Ahmad Bin Haki Husin, Malayan Civil Service, District Officer Ulu Langat and Che Mohamed Bin Baba, Memo daripada Cheif Secretary Federal Secretariat Kuala Lumpur, Federation Of Malaya pada October 1950.
- Sel Sec F 207/1932. Establishment Lists 1932, Medical and Health Department Selangor
- Sel Sec General 794/1937. Scholarships to Raffles College on a Federated Malay States Basis or a State Basis, Suggests the Appointment of a Committee to Consider, Liet of Candidate Awarded Federal Scholarships 1940.
- Sel: Sec G 371/1928. Discontinuance Of Students To Hong Kong University with The Opening of Raffles College; Question Submitted for Consideration of Residents.
- Sel. Sec. G 1041/1932. Award Of Queen Victoria Institution Scholarship 1932
- Stockwell, A.J. 1982. "The white man's burden and brown humanity: Colonialism and ethnicity in British Malaya." *Asian Journal of Social Science* 10(1): 44-68.
- Sufean Hussin. 1993. *Pendidikan Di Malaysia Sejarah, Sistem Dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sunday Standard*. 1952. "The Passing of A Great Medical Institution," 26th October.

- Tan, Yao Sua. 2013. "The British Educational Policy for the Indigenous Community in Malaya 1870-1957: Dualistic structure, colonial interest and Malay Radical Nationalism." *International Journal of Educational Development* 33: 337-347.
- The Educational Planning and Research Division Ministry Of Education Malaysia, Educational Statistics of Malaysia 1938-1967, Internet Archive.
- The Law Of The Federated Malay States 1877-1920, Enactment No 27 Of 1920 ; An Enactment To Provide For The Registration School and Of Their Manager and Teachers and For Grand-In-Aid In Certain School.
- The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*. 1936. "Malayan Students In Great Britain," 13th April.
- The Straits Budget*. 1913. "Anon," 24 July.
- The Straits Times*. 1913. "The Role of Hong Kong," 9th June.
- The Straits Echo*. 1920. "University Of Hong Kong Student's Status At Home," 12th May.
- The Straits Echo*. 1925. "Schools in The F.M.S.," 8 April.
- The Straits Times*. 1925. "The Medical College," 18th June.
- The Straits Times*. 1930. "Raja Sir Chulan: Congratulations on Honour of Knighthood," 6 May.
- The Straits Times*. 1935. "From Remote Kampung to Cambridge: Story Of F.M.S First Malay Queen's Scholar," 24th December.
- The Straits Times*. 1935. "Training Recruits for Industry Technical Education in Malaya," 22 November.
- The Straits Times*. 1954. "300 Try To Entrance To Kirkby," 15th June.
- The Straits*. 1906. "Times The Kuala Kangsar Malay Residential School," 16 August.
- Ungku A. Aziz. 1975. *Jejak-jejak di Pantai Zaman*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Published online: 31 October 2025